



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

BELANJAWAN 2024: REFORMASI EKONOMI, MEMPERKASA RAKYAT

1. Kementerian Dalam Negeri menyambut baik dan amat menghargai inisiatif-inisiatif yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan Rakyat 2024 : Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat yang melibatkan kementerian, jabatan serta agensi di bawah KDN. Ia selaras dengan peranan besar KDN dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara termasuk memperkukuhkan keselamatan sempadan, perairan dan pintu-pintu masuk antarabangsa negara.
2. Secara keseluruhannya, KDN telah diperuntukkan sebanyak **RM19,066,051,500** yang terdiri daripada **RM13,986,823,700** bagi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan **RM5,079,227,800** bagi Perbelanjaan Pembangunan (DE) iaitu kenaikan sebanyak **RM547,360,200** atau **2.95%** berbanding Bajet Tahun 2023 sebanyak RM18,518,691,300. Peningkatan keseluruhan peruntukan KDN ini berbanding tahun 2023 menggambarkan peranan penting KDN sebagai pemangkin kerangka Ekonomi MADANI: Memperkukuh Perpaduan & Keselamatan negara. Ia juga memperlihatkan Kerajaan serius dalam usaha memastikan agensi penguatkuasaan terus memperhebatkan tindakan dalam memelihara kesejahteraan rakyat, menangani ketirisan hasil, memperketatkan langkah kawalan penyeludupan dan meningkatkan usaha penguatkuasaan serta operasi secara bersepadu melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi-agens penguatkuasaan yang lain.
3. Sehubungan itu, KDN amat berbesar hati atas perhatian dan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan. Antara inisiatif-inisiatif di bawah KDN yang bakal ditambahbaik dan diperkasakan adalah seperti berikut:
 - a) Memperintis pewujudan Baitul Mahabbah iaitu penyediaan penempatan sementara kanak-kanak daripada pusat tahanan imigresen dengan peruntukan sebanyak RM10 juta;
 - b) Meneruskan Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang menawarkan perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui sebahagian peruntukan daripada RM26 juta yang diumumkan;

- c) Peruntukan sebanyak RM20 juta bagi meningkatkan kefungisian Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dalam membanteras jenayah scam;
- d) Memperuntukkan RM20 juta sebagai Geran Pertubuhan Madani bagi manfaat penduduk setempat dalam melaksanakan tanggungjawab bersama untuk pelaksanaan program-program kesukarelaan, perpaduan serta aktiviti pencegahan jenayah dan bencana;
- e) Mewujudkan sebuah agensi tunggal sempadan negara atau *Single Border Agency* (SBA) dan peruntukan RM20 juta telah disediakan bagi menyelenggara dan memperoleh harta modal atau aset di pintu-pintu masuk antarabangsa negara;
- f) Pembinaan tujuh (7) posimbangan antaranya di Melikin dan Pa' Daleh, Sarawak, pos keselamatan di Sungai Desa Aji Kuning, Pulau Sebatik, Sabah serta kerja awalan pembinaan dua ICQS di Nabawan dan Kalabakan, Sabah;
- g) Penambahan aset-aset perairan melibatkan 9 buah kapal ronda generasi baharu dan bot pemintas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta perolehan 7 buah pesawat kapal terbang *twin engine* dan 5 buah helikopter ringan PDRM;
- h) Peruntukan RM10 juta dalam usaha memperkasakan Program PEKA (Peluang Kedua Anda) oleh Jabatan Penjara bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para pesalah yang akan tamat tempoh hukuman melalui penyediaan latihan kompetensi TVET yang diakreditasi oleh CIDB;
- i) Memperkenalkan inisiatif baharu di bawah Pelan Liberalisasi Visa Malaysia melalui penambahbaikan kemudahan Pas Penggajian bagi pelabur strategik, Pas Lawatan Sosial, kemudahan *Visa-On-Arrival* dan tawaran *Multiple Entry Visa* bagi menggalakkan kemasukan pelancong atau pelabur yang seterusnya menjana hasil negara dan masyarakat. Syarat-syarat sedia ada bagi permohonan Malaysia My Second Home (MM2H) juga akan ditambahbaik bagi tujuan ini;
- j) Mempertingkatkan lagi tahap kecekapan perkhidmatan awam melalui pembangunan Identiti Digital Nasional (IDN) sebagai platform pengesahan diri yang lebih dipercayai;
- k) Sebahagian daripada peruntukan RM2.4 bilion bagi pembinaan kuarters yang melibatkan anggota polis dan penjawat awam;
- l) Sebahagian daripada peruntukan RM5 juta bagi penambahan bilangan anjing K9 untuk polis bagi tujuan pencegahan jenayah dan dadah;

- m) Pelantikan renjer komuniti dalam kalangan veteran PDRM untuk meningkatkan penguatkuasaan kawasan hutan simpan dalam menangani pencerobohan, pembalakan haram dan sebagainya;
- n) Penyediaan ganjaran kepada agensi penguatkuasa termasuk PDRM sebagai menghargai komitmen dalam membanteras ketirisan hasil negara; dan
- o) Pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi membolehkan penagih dadah menerima rawatan tanpa kemasukan ke institusi penjara.

Bagi mendepani cabaran dalam memelihara keselamatan dan ketenteraman awam serta memastikan kedaulatan negara terjamin, KDN akan terus bersama Kerajaan dalam mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam perkhidmatan kepada rakyat dan negara. Saya yakin inisiatif Belanjawan MADANI ini akan memperkasakan agensi penguatkuasaan di Malaysia sepanjang pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

MENTERI DALAM NEGERI

14 OKTOBER 2023